
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2015/2016

Jun 2016

**HSA 505 - SEJARAH ASIA : INTELEKTUAL DAN ARUS
PERUBAHAN**

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan. Jika calon menjawab lebih daripada TIGA soalan hanya TIGA soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah. Pilih SATU soalan sahaja daripada setiap Bahagian.

Bahagian A

1. Jelaskan ciri-ciri penting perjanjian SEATO (*South-East Asia Treaty Organisation*). Sejauh manakah perjanjian ini berupaya untuk menjamin keamanan di rantau Asia Tenggara?

[100 markah]

2. Dengan merujuk kepada pendirian yang telah diambil oleh Nehru dalam kes Vietnam dan Tibet, nilaikan sejauh manakah dasar berkecuali berkesan dalam hal melindungi kedaulatan negara-negara kecil?

[100 markah]

Bahagian B

3. Sejauh manakah pembaharuan Meiji telah meminggirkan pemikiran China dalam pembentukan negara Jepun yang moden?

[100 markah]

4. Bincangkan penerimaan gagasan Lingkungan Sekemakmoran Asia Timur Raya dalam kalangan ahli politik Asia Tenggara antara 1941-45. Perbincangan perlu merujuk kepada mana-mana tokoh politik yang berkaitan.

[100 markah]

Bahagian C

5. Dengan merujuk kepada Gerakan Memperkuatkan Diri, Revolusi 1911 dan Gerakan Empat Mei, analisis perubahan sikap dan perlakuan golongan terpelajar China terhadap peristiwa-peristiwa tersebut.

[100 markah]

6. Nilaikan peranan dan hubungan golongan terpelajar China dengan empat pemimpin kerajaan China berikut iaitu Maharani Cixi, Sun Yat-sen, Chiang Kai-shek dan Mao Zedong dari akhir kurun ke-19 hingga tahun 1976.

[100 markah]